

# SPRM buat tangkapan 'kes besar' tidak lama lagi

**Hayati Dzulkifli DE 26.8.2017 1**

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah akan membuat tangkapan dalam satu kes besar rasuah tidak lama lagi, selepas semua bukti perlu diperolehi.

Pengarhnya, Datuk Sazali Salbi, berkata 'ikan besar' itu adalah dari dua agensi kerajaan di Sabah yang berada di bawah pemerhatian Suruhanjaya itu kerana melakukannya amalan rasuah.

Katanya, mereka sedang mengumpul maklumat dan dokumen perlu berhubung kes itu.

"Apabila masanya sesuai, kami akan bertindak tapi bukan minggu ini atau minggu depan.

"Ia tidak lama lagi dan mungkin bulan depan. Tunggu dan lihat," katanya tanpa mengulas lanjut.

Sazali berkata demikian kepada wartawan selepas menyaksikan kira-kira 300 pegawai kanan termasuk ahli akademi dalam majlis Ikrar Bebas Rasuah dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan bangunan Canselor di sini, pada Jumaat.

Turut hadir ialah Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin dan pegawai-pegawai kanan.

Beliau mengulas mengenai kemungkinan sebarang tangkapan lanjut akan dibuat tidak lama lagi selepas empat anggota polis di Lahad Datu ditangkap oleh SPRM Sabah kerana mengamalkan rasuah sementara lapan penolong perubatan di Hospital Queen Elizabeth (HQE) didakwa di Mahkamah Rasuah Khas di sini atas tuduhan



**SAZALI** (kanan) menyerahkan dokumen Ikrar Bebas Rasuah kepada Dr D Kamarudin.

mengemukakan tuntutan kerja lebih masa palsu berjumlah keseluruhan RM126,757.24 antara Januari dan Mei, tahun lepas.

Sebelum penangkapan 12 orang itu, SPRM Sabah juga menangkap dua anggota polis yang bertugas dengan Unit Narkotik di Penampang kerana disyaki menerima rasuah pada 16 Ogos.

Kepada satu soalan, Sazali berkata HEQ adalah salah satu daripada dua agensi kerajaan yang berada dalam radar SPRM tetapi kes membabitkan lapan pembantu perubatan itu adalah kes kecil.

Dalam soalan berkaitan, katanya, empat anggota polis yang ditahan di Lahad Datu pada 21 dan 23 Ogos adalah antara pegawai dan anggota polis yang telah membuat Ikrar Bebas Rasuah sementara Kementerian Kesihatan termasuk Jabatan Kesihatan di Sabah belum membuat ikrar bersama SPRM.

Mengenai siasatan SPRM ke atas kes Perbadanan Pelaburan Felda, katanya SPRM Sabah tidak terbabit dalam siasatan itu yang ketika ini dikendalikan oleh ibu pejabat SPRM Putrajaya berhubung pembelian sebuah hotel di Pusat Beli Belah iBorneo di sini.

Mengenai Ikrar Bebas Rasuah bersama UMS, Sazali berkata sesiapa sahaja termasuk kakitangan awam tidak harus mengambil mudah ikrar yang mereka buat kerana ia adalah perkara serius yang perlu difahami dan diamalkan dalam kerja mereka.

"Mereka yang membuat ikrar perlu melihat perkara itu secara serius dan mengamalkan ikrar itu untuk menjauhi amalan rasuah kerana mereka telah berjanji kepada diri sendiri, kepada ketua dan kepada masyarakat untuk tidak melakukannya.

"Apa yang mereka telah ikrarkan, mereka mesti amalkan.. tapi masih ada lagi sesetengah pegawai dan kakitangan kerajaan yang tidak melakukannya dan kami muahu mengelak perkara ini," katanya.

Sazali berkata UMS adalah institusi pengajian tinggi pertama dan agensi ke-51 di Sabah yang membuat 'Ikrar Bebas Rasuah'.